

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 04 Julai 2022**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,**  
**MALAYSIA, MEI 2022**

---

**Terma Perdagangan Malaysia kembali positif pada Mei 2022, meningkat 1.0 peratus berikutan kenaikan harga eksport**

**PUTRAJAYA, 04 JULAI 2022** – Harga eksport Malaysia pada Mei 2022, kekal kukuh dengan peningkatan 3.9 peratus daripada 143.0 mata pada bulan sebelumnya kepada 148.6 mata. Selaras dengan prestasi eksport, indeks nilai seunit import juga mencatatkan peningkatan 2.9 peratus kepada 132.7 mata. Selaras dengan itu, terma perdagangan Malaysia kembali mencatatkan pertumbuhan 1.0 peratus bulan ke bulan kepada 112.0 mata pada Mei 2022 sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), MEI 2022** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit dan indeks volum mengikut seksyen bagi eksport dan import barang.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Indeks nilai seunit eksport meningkat 3.9 peratus pada Mei 2022 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+9.6), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+6.0%), dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+2.4%). Sementara itu, indeks volum eksport menurun 9.1 peratus pada bulan yang sama, disumbangkan oleh kejatuhan indeks barang-barang keluaran kilang (-25.6%), pelbagai barang keluaran kilang (-14.2%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-6.8%).


Indeks volum eksport pelarasan bermusim menyusut 9.1 peratus daripada 162.2 mata kepada 152.4 mata. Berdasarkan perbandingan tahunan, kedua-dua indeks nilai seunit dan volum eksport masing-masing berkembang 22.2 peratus dan 6.9 peratus.”

Di samping itu, indeks nilai seunit import meningkat 2.9 peratus pada Mei 2022 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+11.7%), minyak galian (+11.0%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+1.9%). Indeks volum import turut merekodkan peningkatan 0.7 peratus pada Mei 2022 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kenaikan indeks makanan (+9.5%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+6.3%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+4.0%). Indeks volum import pelarasan bermusim pada Mei 2022 turut meningkat 0.7 peratus daripada 177.0 mata kepada 185.6 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan kedua-dua indeks nilai seunit dan volum import masing-masing berkembang 12.9 peratus dan 21.7 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut melaporkan terma perdagangan Malaysia meningkat 1.0 peratus bulan ke bulan kepada 112.0 mata pada Mei 2022, didorong oleh kenaikan indeks pelbagai urus niaga & barang (+22.3%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.57%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+0.55%). Perbandingan tahun ke tahun prestasi terma perdagangan Malaysia menunjukkan pertumbuhan positif 8.2 peratus daripada 103.5 mata pada Mei tahun lalu.

DOSM sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsS1_2022).



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import  
Januari 2020 – Mei 2022**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
04 JULAI 2022**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, July 04<sup>th</sup> 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,  
MALAYSIA, MAY 2022**

---

***Malaysia's Terms of Trade turned around in May 2022, increasing by 1.0 per cent on the back of rising export prices***

**PUTRAJAYA, JULY 04, 2022** – Malaysia's export prices in May 2022, remained steady with an increase of 3.9 per cent from 143.0 points in the preceding month to 148.6 points. Consistent with export performance, import unit value index also registered an increase of 2.9 per cent to 132.7 points. Likewise, Malaysia's terms of trade turned around to post an increase of 1.0 per cent, month-on-month to 112.0 points in May 2022 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), MAY 2022**. This publication presents the unit value and volume index by sections for both exports and imports of goods.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The export unit value index grew 3.9 per cent in May 2022 as compared with the previous month, supported by the increases in the index of mineral fuels (+9.6%), animal & vegetable oil & fats (+6.0%) and machinery & transport equipment (+2.4%). However, export volume index fell 9.1 per cent in the same month, contributed by the decreases in the index of manufactured goods (-11.8%), miscellaneous manufactured articles (-14.2%) and machinery & transport equipment (-6.8%). The seasonally adjusted export volume index dropped 9.1 per cent from 162.2 points to 152.4 points. On annual comparison, both export


*unit value and volume indices continued to grow 22.2 per cent and 6.9 per cent, respectively.”*

*In addition, import unit value index grew 2.9 per cent in May 2022 as compared with the previous month, contributed by the increases in the index of animal & vegetable oils & fats (+11.7%), mineral fuels (+11.0%) and machinery & transport equipment (+1.9%). Similarly, the import volume index also grew 0.7 per cent in May 2022 as compared to the previous month, contributed by the increases in the index of foods (+9.5%), machinery & transport equipment (+6.3%) and miscellaneous manufactured articles (+4.0%). Correspondingly, seasonally adjusted import volume index in May 2022 also increased by 0.7 per cent from 177.0 points to 185.6 points. On a year-on-year basis, both the import unit value and volume indices rose 12.9 per cent and 21.7 per cent, respectively.*

*Department of Statistics Malaysia (DOSM) also reported Malaysia’s terms of trade grew by 1.0 per cent month-on-month to 112.0 points in May 2022, contributed by the increase in the index of miscellaneous transactions & commodities (+22.3%), machinery & transport equipment (+0.57%) and miscellaneous manufactured articles (+0.55%). On a y-o-y basis, Malaysia’s terms of trade performance showed positive growth of 8.2 per cent from 103.5 points in May of previous year.*

*DOSM is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStatsQ1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022).*



**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices**  
January 2020 – May 2022

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
04 JULY 2022**